

Dr M ingin Malaysia jadi negara Islam contoh

BH 29 OCT 1983

SIPITANG (Sabah), Jumaat — **Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad** mahu jadikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam contoh kerana kesederhanaannya dalam pemerintahan berlandaskan lunas-lunas Islam.

Perdana Menteri berkata, Malaysia akan mengamalkan corak pentadbiran yang adil, sederhana dan bertoleransi yang boleh dicontohi oleh negara-negara Islam lain.

"Jika kedudukan Islam di negara ini dikukuhkan kita boleh menjadi negara contoh untuk diteladani oleh negara-negara lain.

"Kita perlu bertolak ansur dan menerima pemode-

nan dengan melengkapkan umat Islam menerusi pelajaran dan pengetahuan bagi membangunkan negara hingga disegani di mata dunia," katanya lagi.

Beliau menegaskan demikian ketika merasmikan Masjid Haji Hashim berharga \$1.6 juta di sini hari ini.

Perdana Menteri dan isteri, Ketua Menteri Sabah, Datuk Harris Salleh, Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Haji Taib Mahmud serta wakil-wakil kerajaan Brunei bersembahyang Jumaat bersama lebih seribu umat Islam daerah itu.

Datuk Seri Dr Mahathir kemudian mengingatkan umat Islam supaya tidak berpecah belah dan berlagak terlalu pandai mengenai selok belok Islam.

Tidak mahu menekan

"Kita tidak mahu sikap menonjolkan diri terlalu pandai dalam Islam kerana cara itu boleh menimbulkan rasa kurang senang umat Islam lain," katanya.

Islam, tambah beliau adalah bersaudara dan tiada paksaan dalam Islam.

"Jika kita memaksa orang lain memeluk Islam atau menuruti ajaran-ajaran Islam, mereka akan menuduh Islam tidak adil," jelasnya.

Walaupun kerajaan berkuasa, tapi "kita tidak mahu menekan atau memaksa kaum lain mengikut kita," tambahnya.

Menurut Perdana Menteri, satu cara yang paling baik ialah menjadikan setiap umat Islam sebagai pemimpin untuk diteladani oleh kaum lain.

Datuk Seri Dr Mahathir menyeru umat Islam supaya menggunakan masjid sebagai tempat beribadat atau berbincang untuk menyelesaikan masalah.

Beliau kesal kerana masih ada umat Islam yang menggunakan masjid untuk menyebarkan ajaran sesat dan dakyah palsu.